UNTUK SIMPANAN AHLI

LAMPIRAN

MANFAAT AHLI KHAIRAT KEMATIAN MASJID JUMHURIAH TAMAN DATO' HARUN

(Untuk Kontrak Bermula 01 Januari 2027 – 31 Dis 2027)

PAKEJ JUMHURIAH (SEKELUARGA/PERSEORANGAN DEWASA)

YURAN TAHUNAN : **RM40** setahun untuk satu keluarga / perseorangan dewasa
(Daftar Baharu dan Pembaharuan Keahlian)

SYARAT KEAHLIAN :

a) Satu keluarga yang terdiri daripada suami dan isteri di bawah umur 74 tahun dan anak-anak yang berumur 17 tahun dan ke bawah ;

Atau

b) Dewasa/bujang yang berumur 18 tahun - 73 tahun

MANFAAT KEAHLIAN:

	Jenazah diuruskan oleh pihak Masjid Jumhuriah	**Jenazah tidak diuruskan oleh pihak Masjid Jumhuriah**
AHLI	Semua perbelanjaan diuruskan oleh pihak masjid kecuali kos keranda (Sekiranya perlu)	Manfaat **RM700** kepada waris
PASANGAN	Semua perbelanjaan diuruskan oleh pihak masjid kecuali kos keranda (Sekiranya perlu)	Manfaat **RM500** kepada waris
ANAK-ANAK	Semua perbelanjaan diuruskan oleh pihak masjid kecuali kos keranda (Sekiranya perlu)	Manfaat **RM500** kepada waris

PENDAFTARAN BAHARU : **1 bulan** pertama selepas kontrak bermula adalah tempoh menunggu, ahli baru layak dilindungi bermula 1 Februari 2027. Sekiranya kematian berlaku dalam tempoh masa menunggu, waris perlu menanggung kos keseluruhan dan yuran tidak dikembalikan.

PAKEJ RAHMAH (SEUMUR HIDUP)

YURAN : **RM300** Seumur hidup (*sekali bayaran sahaja*)
SYARAT KEAHLIAN :

a) Pakej Rahmah hanya untuk **AHLI KARIAH MASJID JUMHURIAH SAHAJA** yang berumur **74 tahun ke atas**.
b) Pakej ini hanya untuk individu perseorangan sahaja (bukan satu keluarga atau berpasangan)

MANFAAT KEAHLIAN:

	Jenazah diuruskan oleh pihak Masjid Jumhuriah	**Jenazah tidak diuruskan oleh pihak Masjid Jumhuriah**
AHLI	Semua perbelanjaan diuruskan oleh pihak masjid kecuali kos keranda (Sekiranya perlu)	Manfaat **RM300** kepada waris

*** Perbelanjaan yang diuruskan oleh pihak Masjid Jumhuriah adalah seperti berikut:

1. *Pengambilan jenazah daripada hospital di dalam Daerah Petaling sahaja. Jika di luar Daerah Petaling akan dikenakan caj tambahan.*
2. *Pengurusan jenazah adalah seperti mandi, kafan, solat dan ke tanah perkuburan.*
3. *Tanah Perkuburan hanya di Tanah Perkuburan Islam PJS 4, Taman Medan, Tanah Perkuburan Islam Bukit Tandang dan Tanah Perkuburan Islam Kota Damansara. Jika dihantar luar daripada tanah perkuburan yang ditetapkan, akan dikenakan caj tambahan.*

PENGGUNAAN YURAN KHAIRAT KEMATIAN

I. Pengurusan Kematian.

II. Pembayaran emolumen Biro Khairat kematian.

III. Pembelian dan selenggara fasiliti bilik pengurusan jenazah.

IV. **Penyelenggaraan Van Jenazah** merangkumi kos penyelenggaraan dan servis berkala, pembaharuan cukai jalan (roadtax), pemeriksaan PUSPAKOM serta segala urusan dan keperluan berkaitan.

V. **Pembelian dan penyelenggaraan aset** yang berkaitan dengan pengurusan jenazah.

VI. Kos penggunaan sistem e-khairat.

VII. Promosi keahlian.